

01 OCT 2002

Gaya-Calon/I

CHONG AKAN UMUM CALON BN BAGI GAYA ESOK

KOTA KINABALU, 1 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat akan mengumumkan esok nama calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding di pilihan raya kecil Gaya.

Chong, yang juga pengerusi BN negeri berkata pengumuman itu akan dibuat di ibu pejabat BN di pekan Putatan, dekat sini, selepas sahaja selesai mesyuarat BN negeri yang bermula pada 10 pagi.

Ketua Menteri itu berkata beliau telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersama timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pagi ini untuk membincangkan hal itu.

"Perbincangan kita berhasil dan ...kami telah memutuskan calonnya, dan saya telah diarahkan oleh Perdana Menteri untuk mengumumkan nama calon itu esok," kata beliau kepada pemberita di Lapangan Terbang Kota Kinabalu di sini, selepas tiba dari Kuala Lumpur.

Ditanya sama ada pucuk pimpinan BN menghadapi masalah dalam memilih calon, Chong berkata: "Tiada, semuanya berjalan lancar".

Sekurang-kurangnya tiga parti komponen BN telah menunjukkan minat untuk meletakkan calon masing-masing bagi pilihan raya kecil Gaya dan ini termasuk Parti Maju Sabah (SAPP) yang menyandang kerusi itu sebelum ini.

Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee sebelum itu berkata parti itu telah mengenal pasti calonnya untuk bertanding di pilihan raya kecil Parlimen Gaya jika diberi peluang mempertahankan kerusi itu.

Menurut sumber parti, yang mengetuai senarai calon berpotensi ialah naib presiden parti dan pengerusi SAPP bahagian Likas, Liew Teck Chuan.

Sebelum ini, pucuk pimpinan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) telah memilih timbalan ketua perhubungan Keadilan Sabah, Christina Liew sebagai calonnya sementara DAP pula telah memilih ketua cawangan Kota Kinabalu Dr Hiew King Cheu sebagai pilihan mereka bagi kerusi Gaya.

Kerusi Gaya kekosongan apabila Yong hilang kelayakannya sebagai wakil rakyat. Ini kerana keputusan Mahkamah Pilihan Raya yang mensabitkan beliau kerana amalan rasuah semasa pilihan raya umum 1999.

Pencalonan telah ditetapkan pada 3 Okt dan pengundian pada 12 Okt jika ada pertandingan.

Dalam pilihan raya umum 1999, Yong memperolehi 15,315 undi menewaskan dua lagi calon dengan majoriti 4,117 undi. Gaya mempunyai sejumlah 49,427 pengundi termasuk 76 pengundi pos.

Sementara itu, Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan menyatakan sokongan penuh parti itu bagi mana-mana calon pilihan Barisan Nasional untuk bertanding di Gaya.

Pairin juga meminta anggota-anggota parti di kawasan pilihan raya itu untuk keluar beramai-ramai dan mengundi calon BN.

Sebelum ini timbul desas-desus yang calon BN bagi Gaya -- yang secara tradisinya dikuasai oleh (SAPP) mungkin datang daripada PBS tetapi Pairin berkata ia hanya spekulasi.

Beliau berkata parti itu tidak mencadangkan nama-nama calon untuk dipertimbangkan oleh pucuk pimpinan tertinggi BN.

Diminta mengulas mengenai laporan bahawa anggota parti itu telah mengambil borang pencalonan bagi pilihan raya kecil itu, Pairin berkata sesiapa pun boleh mendakwa dirinya sebagai anggota PBS dan mengambil borang itu.

"Kami tidak pernah memberi arahan kepada sesiapa untuk mengambil kertas pencalonan itu," katanya.

-- BERNAMA
JS PR